

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI  
A/P PATTO [ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [ Batu Kawan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan justifikasi untuk terus mengekalkan imuniti yang diberikan dibawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan kepada si suami atas kesalahan merogol isterinya serta nyatakan bilangan laporan polis yang diterima dan dakwaan mahkamah atas kesalahan dibawah Seksyen 375A dari tahun 2000 sehingga September 2016.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun seksyen 375 Kanun Keseksaan [*Akta 574*] memperuntukkan bahawa persetujuan antara suami isteri dalam perkahwinan yang sah di sisi undang-undang yang masih berkuat kuasa tidak boleh dianggap sebagai rogol, namun perbuatan suami yang mendatangkan kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain bagi tujuan mengadakan hubungan seks dengan isterinya telah dijadikan suatu kesalahan di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan berkuat kuasa mulai 7 September 2007. Hukuman bagi kesalahan ini ialah pemenjaraan tidak melebihi lima tahun.

Bagi kes-kes di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan, mulai tahun 2007 hingga Ogos 2016, sebanyak tiga puluh tujuh laporan polis telah diterima dan tujuh belas kes telah dituduh di mahkamah. Daripada tujuh belas kes yang dituduh di mahkamah, sebanyak enam kes telah dijatuhkan hukuman dan sebelas lagi masih belum selesai di mahkamah

Sekian, terima kasih.